

# KEDUDUKAN KETERANGAN PENDAPAT MUFTI MENURUT UNDANG-UNDANG KETERANGAN DI MALAYSIA: ADAKAH SEBAGAI PAKAR?

## *Position of Mufti's Opinion Evidence Under Law of Evidence: Is It An Expert?*

**Mohd Sabree Nasri**

*Ph.D Candidate, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur  
mohdsabree@unimel.edu.my*

**Ruzman Md Noor**

*Associate Professor, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
ruzman@um.edu.my*

### **ABSTRACT**

*The application of expert opinion evidence in court has become increasingly significant as it assists judges in understanding matters beyond their knowledge, enabling accurate and fair decisions for all parties. A mufti holds an authoritative position within the framework of Islamic law and the fatwa institution and is frequently consulted by the public on matters related to Shariah. Issues arise when the court seeks opinions or testimony from a mufti. Can a mufti be summoned to testify in court, and is their testimony recognized as expert opinion evidence? This article aims to examine the status of a mufti's opinion in Civil and Shariah Courts to determine whether it is accepted as expert opinion evidence. The study adopts a descriptive approach and content analysis by reviewing relevant legal provisions, scholarly articles, and decided cases in court. Findings reveal several legal*

*“lacunae” and constraints in recognizing a mufti’s testimony in court as expert opinion evidence. Therefore, improvements are necessary, including harmonizing the categorization of expert opinions and the legal provisions concerning muftis under state Islamic Administrative Laws, should muftis be recognized as experts under the law.*

**Keywords:** *opinion evidence, expert opinion, Mufti, fatwa, evidence law*

## **PENDAHULUAN**

Secara prinsip umum, mufti merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan fatwa. Peranan atau tugasnya dalam mengeluarkan fatwa dikenali sebagai *ifta'*, manakala jawapan yang dikemukakan oleh mufti dan proses yang dilalui olehnya dalam mengeluarkan hukum syarak adalah sebagai fatwa. Masyarakat awam atau individu yang bertanya kepada mufti untuk mendapatkan jawapan hukum syarak tentang satu-satu masalah yang dihadapinya dinamakan sebagai *mustafti* ('Abd al-Karim Zaydan, 1987: 140). Mufti adalah kata nama (*isim fa'il*) iaitu yang diambil dari perkataan *afta* yang bermaksud penjelasan dan penerangan sesuatu hukum. Oleh itu, mufti dari sudut bahasa adalah individu yang memberikan jawapan kepada persoalan atau perkara yang dikemukakan oleh seseorang. Dari sudut istilah, para ulama telah berbeza pendapat dalam memberikan definisi mufti sebagaimana mereka berbeza dalam memberikan definisi fatwa. Walau bagaimanapun, perbezaan yang berlaku dalam kalangan ulama ketika memberikan definisi istilah mufti adalah lebih kepada perselisihan dari sudut lafaz sahaja, tetapi dari sudut maksud dan tujuan yang hendak dinyatakan adalah hampir sama sahaja matlamatnya. Kesimpulannya, definisi mufti adalah berkisar kepada beberapa perkara berikut iaitu; mufti adalah seseorang ahli ijtihad yang faqih mengikut kaedah usul, seseorang yang alim dan warak sehingga fatwanya diterima, seseorang yang berwibawa dari segi ilmu agama sehingga selamat daripada *bertaqlid*, mampu menjawab persoalan dengan dalil, dan memahami hukum *waqi'* (realiti semasa) yang berlaku secara berdalil.

Dalam sejarah perundangan Islam, Rasulullah SAW merupakan individu penting yang menjadi ikon, pemula dan pelopor kepada konsep mufti. Hal ini kerana proses memberikan pendapat dan pandangan hukum telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Pada masa itu para Sahabat RA telah menjadikan Rasulullah SAW sebagai rujukan yang utama dalam mendapatkan jawapan dan penyelesaian kepada permasalahan-permasalahan yang timbul. Keadaan ini secara tidak langsung menjadikan Rasulullah SAW diiktiraf

sebagai mufti yang pertama dalam dunia perundangan Islam (al-Qasimi, 1986: 32; al-Mallah, 2006: 17). Ketika itu tidak wujud sebarang perselisihan kerana setiap permasalahan yang timbul akan dirujuk terus kepada Rasulullah SAW oleh para Sahabat RA (Noor Naemah, 2001: 4).

Dunia Islam semakin berkembang dari semasa ke semasa. Seiring dengan perkembangan tersebut, maka tidak dapat dinafikan pelbagai masalah yang memerlukan kepada jawapan hukum Syarak sangat diperlukan sehinggalah ke hari ini. Pada masa kini orang yang berautoriti untuk menjawab dan mengeluarkan hukum Syarak adalah mufti. Dalam kebanyakan keadaan, orang awam akan merujuk kepada mufti untuk mendapatkan jawapan terhadap hukum Syarak. Namun dalam keadaan tertentu, terdapat keperluan oleh mahkamah (Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah) untuk turut merujuk kepada mufti dalam mendapatkan pandangan dan pendapat berkaitan hukum Syarak. Namun, isu dan persoalan yang timbul di sini adakah kedudukan pendapat mufti diiktiraf sebagai pendapat pakar di mahkamah?.

Oleh kerana pendapat pakar merupakan perbincangan dalam soal pembuktian dan keterangan, maka skop penulisan ini akan memfokuskan kepada undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Di mahkamah sivil, undang-undang keterangan yang dirujuk adalah Akta Keterangan 1950, manakala di mahkamah syariah, setiap negeri mempunyai Akta/Enakmen/Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah yang tersendiri sebagai panduan dan rujukan oleh Mahkamah Syariah. Sebagai contohnya, di negeri Melaka mempunyai “Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002”, yang mana enakmen ini hendaklah terpakai bagi segala prosiding kehakiman di dalam atau di hadapan mana-mana Mahkamah Syariah dalam Negeri Melaka.<sup>1</sup> Undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah yang menjadi rujukan pada masa kini adalah adaptasi daripada Akta Keterangan 1950 yang digunapakai di Mahkamah Sivil di Malaysia. Dari sudut sejarahnya, Akta Keterangan 1950 pula bersifat *pari materia*<sup>2</sup> kerana ia digubal berdasarkan kepada Akta Keterangan India 1872.

Walau bagaimanapun, undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah telah melalui proses islamisasi dan interpretasi secara komprehensif demi memastikan kesemua kandungan statut tersebut menepati hukum syarak di samping meraikan kesesuaiannya dengan sistem kehakiman Islam di Malaysia. Semasa proses penggubalan dilakukan, metode yang paling utama digunakan adalah dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950 (Ahmad Ibrahim, 1995:

<sup>1</sup> Seksyen 2, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

<sup>2</sup> Frasa yang digunakan berkaitan dengan dua undang-undang yang saling berkait dengan perkara yang sama, yang mesti dianalisis antara satu sama lain.

4; Mahmud Saedon, 1995: 89). Mana-mana peruntukan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak adalah dikekalkan (*Istishāb al-Aṣl*) dan kembali kepada keadaan asal sesuatu itu adalah harus dan dibenarkan (Al-Suyuti, 1979: 60). Manakala, peruntukan yang bercanggah dengan hukum syarak dan bercanggah dengan bidang kuasa negeri adalah dimansuhkan. Selain itu, pemakaian pelbagai pandangan mazhab dan tokoh melalui prinsip *al-taqlid*<sup>3</sup> dan *al-takhayyur*<sup>4</sup> dilihat turut diterima pakai semasa proses penggubalan undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah. Pendekatan ini sekaligus dapat memenuhi dan mengharmonikan 'urf dan waqi' di Malaysia, dan seterusnya mencapai kehendak objektif syarak (*Maqāsid al-Syarīah*).

Walaupun undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah telah melalui proses penambahbaikan dalam beberapa perkara di samping beberapa pindaan dilakukan dari semasa ke semasa (Hamid Jusoh, 2007: 148), namun masih terdapat *lakuna* dan ruang-ruang yang perlu disemak semula agar sesuatu keterangan yang hendak dikemukakan kepada mahkamah boleh diterima dan seterusnya mencakupi aspek kerelevanan dalam statut ini.<sup>5</sup> Begitu juga pada Akta Keterangan 1950 di mahkamah sivil yang memerlukan kepada penilaian dan pindaan pada peruntukan-peruntukan yang tertentu. Justeru itu, artikel ini akan menganalisis kedudukan mufti di mahkamah syariah dan mahkamah sivil dari aspek penerimaannya sebagai satu pendapat pakar atau sebaliknya. Skop penulisan ini akan meneliti peruntukan yang berkaitan keterangan pendapat pakar dengan memfokuskan kepada seksyen 45 (Akta Keterangan 1950 di Mahkamah Sivil) dan seksyen 33 (Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah). Selain itu, analisis berkaitan kedudukan mufti turut dilakukan dengan merujuk kepada Akta / Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri. Justeru itu, beberapa isu dan permasalahan berkaitan pemakaian pendapat mufti akan dibincangkan dan seterusnya mencadangkan beberapa penyelesaian terutamanya pindaan dan semakan semula kepada statut undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan analisis kandungan untuk menilai kedudukan keterangan pendapat mufti menurut

---

<sup>3</sup> *Al-Taqlid* bermaksud menerimapakai beberapa pandangan mazhab dalam satu isu.

<sup>4</sup> *Al-Takhayyur* bermaksud mengambil pandangan satu mazhab tertentu dalam satu isu.

<sup>5</sup> Bahagian I – Kerelevanan, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

undang-undang keterangan di Malaysia. Kajian ini meneliti peruntukan undang-undang yang relevan, termasuk Akta Keterangan 1950 untuk Mahkamah Sivil dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah bagi Mahkamah Syariah. Peruntukan berkaitan pendapat pakar seperti seksyen 45 Akta Keterangan 1950 dan seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah dianalisis bagi memahami bagaimana kategori dan kriteria pakar ditentukan. Kajian ini juga melibatkan rujukan kepada Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri untuk meneliti perbandingan kedudukan mufti dalam konteks perundangan semasa. Data primer dan sekunder diperoleh daripada dokumen statut (perundangan), jurnal akademik, artikel, kitab turath, serta keputusan kes mahkamah untuk menghasilkan analisis yang menyeluruh dan komprehensif.

Pendekatan deskriptif digunakan untuk menggambarkan peranan dan penerimaan keterangan pendapat mufti di mahkamah, manakala pendekatan kritikal diterapkan dalam menganalisis kekangan dan lakuna yang wujud dalam perundangan sedia ada. Kajian ini turut melibatkan perbandingan dengan sistem perundangan lain seperti Akta Keterangan Singapura untuk mengenal pasti amalan terbaik yang boleh diterapkan di Malaysia. Sumber-sumber turath turut dijadikan rujukan untuk memahami konsep pakar dari perspektif hukum Islam. Pendekatan ini membolehkan kajian memberi fokus kepada aspek teori dan praktikal, seterusnya menghasilkan dapatan yang relevan dengan sistem kehakiman Malaysia.

Kajian ini bertujuan bukan sahaja untuk memahami kedudukan mufti dalam konteks undang-undang keterangan tetapi juga mencadangkan penambahbaikan kepada perundangan berkaitan. Hasil analisis diharapkan dapat menyumbang kepada literatur sedia ada, selain menawarkan cadangan praktikal untuk meningkatkan penerimaan pendapat mufti sebagai keterangan pakar di mahkamah. Kajian mencadangkan perubahan pada skop kategori pendapat pakar dalam undang-undang keterangan dan pengharmonian syarat kelayakan mufti di seluruh negeri. Pendekatan ini bertujuan memastikan peranan mufti diiktiraf secara sah dan berkesan dalam membantu sistem kehakiman menegakkan keadilan berdasarkan prinsip syarak dan undang-undang kontemporari.

## **MUFTI DAN INSTITUSI FATWA MENURUT PERUNDANGAN DI MALAYSIA**

Mufti merujuk kepada individu yang berkelayakan dalam ilmu hukum syarak dan dilantik secara rasmi untuk mengeluarkan fatwa. Seorang mufti berperanan memberikan panduan hukum berdasarkan ijtihad dan kefahaman mendalam

terhadap sumber-sumber utama Islam, iaitu Al-Quran, Sunnah, ijmak, dan qias. Mufti bertanggungjawab menjelaskan hukum dalam perkara-perkara yang memerlukan penentuan, terutamanya isu-isu semasa yang tidak dinyatakan secara jelas dalam sumber-sumber utama. Dalam konteks sistem perundangan Islam, kedudukan mufti dihormati kerana ilmunya dan peranannya dalam menyelesaikan masalah umat (Al-Syatibi, 1997; Ibn Qayyim Al-Jawziyyah, 1991).

Manakala fatwa pula adalah keputusan atau pandangan hukum yang dikeluarkan oleh mufti atau badan berautoriti berdasarkan ilmu dan ijtihad terhadap isu yang memerlukan penjelasan hukum syarak. Fatwa tidak bersifat mutlak seperti hukum yang terdapat dalam Al-Quran dan Sunnah, tetapi merupakan hasil ijtihad yang bertujuan menyelesaikan permasalahan semasa. Fatwa hanya boleh dikeluarkan oleh individu yang memenuhi syarat sebagai mufti, antaranya menguasai ilmu usul fiqh, bahasa Arab, dan kaedah pengeluaran hukum (Ibn Hamdan, 1980; Ibn 'Abidin, 2003).

Di Malaysia, mufti merujuk kepada seseorang yang memiliki kelayakan khusus dalam bidang keagamaan dan dilantik secara sah menurut perundangan pada setiap negeri bagi menjawab persoalan yang timbul dalam kalangan masyarakat setempat berkaitan hal ehwal hukum syarak. Perkara yang amat penting yang perlu difahami dan dibezakan dengan jelas adalah berkaitan peranan dan kedudukan “fatwa” dan “pendapat mufti”. Kedua-dua ini mempunyai perbezaan yang sangat jelas dari sudut penerimaan dan keterikatannya menurut undang-undang. Fatwa merujuk kepada sesuatu hukum yang telah diputuskan melalui proses-proses tertentu secara kolektif (*Fatwa Jama'iyah*) bersama beberapa ahli majlis fatwa (sama ada pada peringkat negeri atau kebangsaan), manakala pendapat mufti adalah merujuk kepada pandangan yang dikeluarkan secara peribadi berdasarkan kepada ilmu atau pengalamannya.

Dalam konteks perundangan dan amalan di Malaysia, “fatwa” yang diputuskan dapat dikategorikan dalam tiga bentuk, iaitu pertama, fatwa yang diwartakan; kedua, jawapan-jawapan fatwa yang diputuskan dalam mesyuarat jawatankuasa fatwa dan ketiga, fatwa yang dikeluarkan oleh mufti secara persendirian berbentuk lisan dan tulisan. Hanya fatwa kategori pertama sahaja yang mengikat, manakala kategori kedua dan ketiga tiada sebarang implikasi undang-undang (Muhammad Ikhlas Rosele *et.al.*, 2013: 32). Oleh yang demikian, skop dan fokus utama perbincangan dalam penulisan ini adalah berkaitan dengan “pendapat mufti” itu sendiri, dan bukannya berkaitan dengan “fatwa” yang telah diputuskan, diwartakan atau digazetkan.

## KONSEP KETERANGAN PENDAPAT PAKAR

Dalam Bahasa Arab, pendapat pakar dikenali dengan nama *Rā'yu al-Khabīr* atau *al-Khabīr* yang bermaksud kesaksian seseorang yang berkeahlian tentang sesuatu bidang (Ibn al-Qayyim, 1977: 188). Pendapat, keterangan atau kesaksian oleh orang yang pakar adalah merujuk kepada pendapat yang diberikan oleh seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang atau persoalan (Ahmad Fathi, 1962: 179). *Al-Khabīr* juga dikenali dengan nama yang lain seperti *ahl al-khibrāh*, *ahl al-ma'rifah*, *ahl al-'ilm* dan *ahl al-baṣar* (Irwan Mohd Subri, 2016: 4). Selain itu, pakar juga termasuk dalam golongan mereka yang “berkeahlian” iaitu yang dikenali sebagai *ahl al-dhikr* sepertimana yang dinyatakan dalam Surah al-Anbiya' ayat ke-7:

فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

“Bertanyalah kamu kepada *ahl al-dhikr* (orang yang mengetahui) jika kamu tidak mengetahui”.

(Surah al-Anbiya', 21: 7)

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pendapat pakar adalah sesuatu pandangan, anggapan dan fikiran oleh seseorang yang ahli, berpengetahuan dan berkemahiran dalam sesuatu ilmu, yang dirujuk atau dirunding untuk melaksana atau menyelesaikan sesuatu, seperti ahli ekonomi, ahli kewangan dan ahli tanaman (Noresah Baharom et al., 2010: 16). Kamus *Lisān al-'Arab* menyatakan pendapat pakar adalah pendapat yang dinyatakan oleh orang yang mengkaji atau yang berpengetahuan luas dalam sesuatu bidang (Ibn Manzur, 2006: 630). Manakala dalam *al-Mu'jam al-Wasīṭ* memberikan definisi *al-khabīr* atau pendapat pakar sebagai orang yang mengetahui hakikat atau kebenaran sesuatu perkara (Ibrahim Mustafa, 1990: 624). Dr. Adnan Azayzah pula mendefinisikan *al-khabīr* sebagai seseorang yang mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap sesuatu ilmu yang menjadi rujukan dalam bidangnya oleh orang ramai untuk mengetahui perinciannya, dan perkara tersebut diperolehi melalui kajian, ujikaji dan pengalaman hidup yang lama.

Selain itu, keterangan pendapat pakar didefinisikan sebagai pendapat yang diberikan oleh seseorang mengenai sesuatu perkara berdasarkan kepada kepakaran, kemahiran, pengetahuan serta pengalaman yang luas dalam sesuatu bidang. Seseorang pakar juga boleh memberikan pendapatnya tanpa melihat sesuatu fakta, membincangkan tentang penyelidikan yang telah dijalankan, merujuk kepada bahan ilmiah dan kes-kes lain yang mempunyai persamaan fakta sebagai autoritinya bagi menyokong pendapat yang ingin dikemukakan

kepada mahkamah (Sudipto Sarkar, 1993: 770). Justeru, keadaan ini menjadikan keterangan pendapat oleh pakar adalah melebihi keterangan yang diberikan oleh saksi biasa. Secara mudahnya, pendapat pakar adalah merujuk kepada keterangan pendapat yang dikemukakan oleh seseorang individu yang diiktiraf menurut perundangan dan kepakaran mereka diiktiraf melalui dua aspek iaitu, pertama kelayakan dari aspek penguasaan ilmu / akademik dan / atau kedua adalah dari aspek pengalaman yang luas dalam sesuatu bidang.

## **PENDAPAT PAKAR MENURUT UNDANG-UNDANG KETERANGAN**

Secara umumnya, keterangan pendapat yang diberikan oleh seseorang adalah tidak relevan berdasarkan kepada prinsip asas undang-undang keterangan. Justifikasi ketidakbolehterimaan keterangan pendapat adalah kerana keterangan tersebut tidak mempunyai bukti jelas yang berkaitan dengan fakta dalam isu, disamping terdapat kesukaran untuk membezakan antara sesuatu fakta dan pendapatnya. Pendapat adalah berbeza dengan fakta.<sup>6</sup> Dalam konteks mahkamah, pendapat hanya boleh diberikan oleh seseorang hakim setelah meneliti dan menilai fakta-fakta yang dikemukakan kepadanya (Ruzman, 2010: 2). Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian pada prinsip ini dan undang-undang memberikan ruang kepada keterangan pendapat untuk dikemukakan di mahkamah dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Menurut undang-undang, keterangan pendapat yang hendak dikemukakan di mahkamah mestilah berkaitan dengan fakta isu / fakta persoalan atau fakta relevan / *qarīnah*<sup>7</sup> iaitu fakta tersebut merujuk kepada “apa-apa benda, keadaan benda atau hubungan benda yang boleh ditanggap dengan pancaindera, serta apa-apa keadaan mental yang disedari oleh mana-mana pihak”.<sup>8</sup> Berdasarkan kepada Akta Keterangan 1950, kedudukan keterangan pendapat telah diperuntukkan pada Bahagian I (Kerelevanan) dan terletak pada Bab 2 (Kerelevanan Fakta-fakta). Manakala berdasarkan kepada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002, kedudukan keterangan

---

<sup>6</sup> “Fakta” ertinya dan termasuklah - (a) apa-apa benda, keadaan benda atau hubungan benda yang boleh ditanggap dengan pancaindera; (b) apa-apa keadaan mental yang disedari oleh mana-mana orang. (Seksyen 3, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 & Seksyen 3, Akta Keterangan 1950.).

<sup>7</sup> Istilah “fakta isu” dan “fakta relevan” digunapakai di Mahkamah Sivil, manakala istilah “fakta persoalan” dan “*qarīnah*” digunapakai di Mahkamah Syariah. Rujuk Seksyen 5, Akta Keterangan 1950 & Seksyen 5, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

<sup>8</sup> Seksyen 3, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.



pendapat telah diperuntukkan pada Bahagian I (Kerelevanan) dan terletak pada Bab 2 (*Qarinah*).<sup>9</sup> Mahkamah Syariah telah menerimapakai konsep *qarinah* dengan sangat meluas. Dalam erti kata yang lain, penggunaan perkataan *qarinah* (dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah) digunakan dengan maksud yang sama dengan menggantikan perkataan “fakta berkaitan/relevan” (dalam Akta Keterangan 1950).

Peruntukan yang merujuk kepada keterangan pendapat adalah pada seksyen 45 sehingga 51 (di Mahkamah Sivil) dan seksyen 33 sehingga 39 (di Mahkamah Syariah) iaitu di bawah “*Bila Pendapat Orang Ketiga Relevan / menjadi Qarinah*”. Pendapat orang ketiga adalah sangat umum dan mana-mana orang atau pihak ketiga yang ingin mengemukakan pendapat adalah tertakluk kepada peruntukan ini. Keterangan pendapat yang dinyatakan pada peruntukan di atas adalah terbahagi kepada dua kategori iaitu pertama, keterangan pendapat pakar dan kedua, keterangan pendapat bukan pakar. Bagi skop penulisan ini, rujukan hanya kepada seksyen 45 (pendapat pakar di Mahkamah Sivil) dan seksyen 33 (pendapat pakar di Mahkamah Syariah) sahaja difokuskan bagi menganalisis hubungannya dengan pendapat mufti sebagai salah satu pendapat pakar di mahkamah. Peruntukan seksyen 45 dalam Akta Keterangan 1950 berkaitan pendapat pakar adalah seperti berikut:

*(1) Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, ialah fakta berkaitan.*

*(2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.*

Manakala peruntukan seksyen 33 dalam undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah berkaitan pendapat pakar adalah seperti berikut:

*(1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubung dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara*

<sup>9</sup> “*Qarinah*” ertinya fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Enakmen ini, (Seksyen 3, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.).

*asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubung dengan penentuan nasab, ialah qarinah.*

*(2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.*

*(3) Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan.*

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, hakikatnya sebahagian besar peruntukan berkaitan pendapat pakar di Mahkamah Syariah adalah diserapguna daripada Akta Keterangan 1950. Perbezaan utama adalah dari aspek kategori pendapat pakar dan penambahan subseksyen (3) dalam undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah yang berkaitan dengan bilangan pendapat pakar yang wajar dikemukakan dan berkaitan kaedah penyelesaian apabila terjadinya pertentangan pendapat antara dua orang pakar.

Jadual 1: Pendapat Pakar di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil

Peruntukan	Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002	Akta Keterangan 1950
Seksyen	(33) Pendapat Pakar	(45) Pendapat Pakar
Bentuk Penerimaan	<i>Qarinah</i>	Fakta berkaitan
Kategori Pendapat Pakar	Undang-undang Negara Asing	Undang-undang Negara Asing
	Sains atau Seni	Sains atau Seni
	Identiti	Identiti
	Tulisan Tangan	Tulisan Tangan
	Cap Jari	Cap Jari
	Penentuan Nasab	-
Bilangan Pakar yang diperlukan	Disyorkan 2 orang atau lebih, (seorang memadai)	-
Kaedah Penyelesaian Pertentangan antara 2 Orang Pakar	Kemukakan pakar yang ketiga	-

Sumber: Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 dan Akta Keterangan 1950

Jadual di atas menerangkan perbandingan pendapat pakar di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Di Mahkamah Syariah (seksyen 33) pendapat

pakar diterima sebagai *qarinah*, manakala di Mahkamah Sivil (seksyen 45) pendapat pakar diterima sebagai fakta berkaitan (*relevant fact*). Perkara ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa konsep *qarinah* telah diterima sebagai sama dengan fakta berkaitan (*relevant fact*) di Mahkamah Sivil. Keadaan ini telah menimbulkan kekeliruan sama ada pendapat pakar yang diiktiraf sebagai *qarinah* ini diterima sebagai “fakta” atau “keterangan”?. Kedua-duanya mempunyai fungsi yang berbeza. Secara ringkasnya, keterangan berfungsi untuk membuktikan fakta. Sekiranya *qarinah* diiktiraf sebagai fakta, maka ia merupakan fakta berkaitan (*relevant fact*), dan sekiranya diiktiraf sebagai keterangan, maka ia adalah keterangan keadaan (*circumstantial evidence*). Dari aspek kategori pendapat pakar pula, terdapat penambahan satu lagi kategori di Mahkamah Syariah iaitu “berhubung dengan penentuan nasab”. Selain itu, subseksyen (3) turut ditambah pada peruntukan pendapat pakar di Mahkamah Syariah yang menerangkan berkaitan bilangan pendapat pakar yang sewajarnya dikemukakan di Mahkamah Syariah serta berkaitan kaedah penyelesaian apabila terjadinya pertentangan pendapat antara dua orang pakar.

## **PENDAPAT MUFTI SEBAGAI PAKAR DI MAHKAMAH: ISU DAN CABARAN**

Terdapat beberapa isu dan cabaran bagi mengiktiraf kedudukan keterangan pendapat seorang mufti di mahkamah antaranya adalah mufti tidak termasuk dalam kategori pakar berdasarkan kepada undang-undang keterangan, syarat kelayakan mufti yang tidak standard di antara negeri-negeri, pendapat mufti yang dikemukakan di mahkamah adakalanya berdasarkan kepada pendapat pihak lain dan tidak dikemukakan secara langsung, terdapat halangan untuk mufti dipanggil ke mahkamah bagi memberikan pendapat (berdasarkan kepada undang-undang pentadbiran Islam), serta wujudnya konflik kepentingan antara mufti di institusi fatwa dengan hakim di institusi kehakiman.

### **Mufti Tidak Termasuk dalam Kategori Pakar Menurut Undang-undang Keterangan**

Bagi memastikan setiap pendapat pakar yang dikemukakan di mahkamah adalah relevan dan boleh diterima, bidang kepakaran seseorang itu mestilah tergolong dalam salah satu kategori pendapat pakar yang telah dinyatakan dalam peruntukan undang-undang. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, terdapat beberapa kategori pendapat pakar yang diiktiraf di mahkamah iaitu berkaitan dengan “*undang-undang negara asing atau mengenai sains atau*

*seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubung dengan penentuan nasab*". Persoalan yang timbul apakah "kategori pendapat pakar" dalam undang-undang keterangan yang sesuai untuk seorang mufti?

Merujuk kepada kes-kes lepas yang mengguna pakai keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah dan setakat yang ditemui oleh penulis, hakim syarie tidak pernah menjelaskan keterangan yang dikemukakan oleh pendapat pakar atau saksi pakar adalah merujuk kepada kategori yang mana satu. Lazimnya, pendekatan yang diamalkan adalah dengan menyebut peruntukan seksyen 33 secara umum sahaja untuk membenarkan sesuatu keterangan pendapat pakar itu relevan dan boleh diterima di Mahkamah Syariah. Perkara ini boleh menimbulkan dua persoalan dan kemungkinan, pertamanya sama ada memadai bagi mahkamah menyatakan peruntukan itu secara umum, keduanya pihak mahkamah turut mengalami kesukaran untuk menentukan kategori yang mana satu lebih bersesuaian dan tepat untuk digunakan. Perkara ini bukan sekadar terjadi untuk menentukan kategori pakar bagi seorang mufti, bahkan dalam perkara yang sering menjadi rujukan pihak mahkamah iaitu dari aspek perubatan, sama ada bidang perubatan tergolong dalam kategori sains, identiti, penentuan nasab atau yang lain-lain.

Justeru, dapat difahami bahawa seseorang mufti tidak termasuk dalam mana-mana kategori pakar yang ada dinyatakan dalam peruntukan undang-undang. Isu ini timbul adalah disebabkan oleh ruang lingkup kategori pendapat pakar yang diiktiraf di Mahkamah Syariah (Mohd Sabree & Ruzman, 2020: 49) dan Mahkamah Sivil (Ramalinggan, 2017: 1-14) sangat terhad. Terdapat juga beberapa kategori yang sedia ada seolah-olah tidak relevan atau tidak pernah diaplikasikan di mahkamah. Justeru itu, pindaan kepada peruntukan undang-undang harus dilakukan terutamanya kepada skop kategori pendapat pakar yang lebih menyeluruh dan merangkumi semua pakar yang berada dalam industri semasa. Singapura merupakan antara negara yang melaksanakan pindaan berkaitan keterangan pendapat pakar dan berkuatkuasa pemakaiannya pada 1 Ogos 2012 (Rafiah Salim, 2013: 246). Pindaan yang dilakukan pada seksyen 47, adalah daripada menyenaraikan beberapa kategori pakar (sama seperti Akta Keterangan 1950) kepada kategori yang lebih bersifat komprehensif. Akta Keterangan Singapura memperuntukan "pendapat pakar" pada seksyen 47 (1) seperti berikut:

*"Subject to subsection (4), when the court is likely to derive assistance from an opinion upon a point of scientific, technical or other specialised knowledge, the opinions of experts upon that point are relevant facts."*

Frasa bergaris merujuk kepada “pengetahuan saintifik, teknikal, atau pengetahuan khusus yang lain” (*scientific, technical or other specialised*) adalah mencakupi setiap lapangan dan disiplin ilmu yang berada dalam industri semasa. Pendekatan ini dilihat membuka ruang yang lebih besar kepada mana-mana pakar yang berkaitan adalah relevan untuk dikemukakan di mahkamah. Oleh yang demikian, sudah tiba masanya peruntukan undang-undang keterangan ditransformasikan dan pendekatan ini sekaligus dapat menyelesaikan beberapa perkara.

### Syarat Kelayakan Mufti yang Tidak Standard

Mufti merujuk kepada seseorang yang memiliki kelayakan khusus dalam bidang pengajian Islam dan dilantik secara sah pada setiap negeri menurut perundangan. Dari sudut kedudukan gaji dan status perjawatannya menurut Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), jawatan mufti di negeri-negeri telah diiktiraf sebagai suatu yang eksklusif dan boleh dikatakan sebaris dengan kedudukan ketua hakim Syarie di setiap negeri. Walau bagaimanapun, kelayakan ketua hakim Syarie telah jelas dinyatakan dari aspek syarat asas berserta dengan tempoh masa pengalamannya, berbeza dengan kelayakan seorang mufti yang masih tidak jelas sehingga kini. Secara perbandingan mudah, undang-undang pentadbiran agama Islam setiap negeri turut menyatakan berkaitan perlantikan mufti dan ketua hakim Syarie seperti berikut:

Jadual 2: Kelayakan Pelantikan Mufti dan Ketua Hakim Syarie

Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti	Pelantikan Ketua Hakim Syarie
Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Selangor	Seseorang adalah layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika dia— (a) seorang warganegara; dan (b) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Kadhi atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula.

Sumber: Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

Berdasarkan kepada jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa tiada syarat kelayakan mufti yang spesifik dinyatakan dalam perundangan sepertimana syarat kelayakan seorang ketua hakim Syarie. Secara umumnya, syarat kelayakan untuk diiktiraf sebagai pakar boleh dilihat dari dua aspek iaitu pertama, latar belakang pendidikan dan kedua, pengalaman yang luas dalam bidang yang berkaitan. Mengambil contoh perbandingan di atas antara jawatan mufti dan ketua hakim syarie, dari aspek tempoh masa jelas menunjukkan pengalaman 10 tahun diperlukan untuk menjawat jawatan ketua hakim syarie berbeza dengan jawatan mufti yang tidak dinyatakan tempoh pengalamannya. Dari aspek latar belakang pendidikan juga turut berbeza. Hal ini dapat dilihat pada syarat lantikan SPA. Bagi jawatan ketua hakim syarie atau pegawai syariah disyaratkan seseorang itu mestilah mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang perundangan syariah serta penambahan kelayakan Diploma Lanjutan Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam atau yang setaraf dengannya.

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan di negeri Sabah kerana ia meletakkan syarat yang agak terperinci bagi pelantikan mufti dan timbalannya. Hal ini adalah berdasarkan kepada Seksyen 4, Enakmen Fatwa Negeri Sabah (2004):

*(1) Yang di-Pertua Negeri, atas syor Majlis, dengan persetujuan Menteri, boleh melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti Kerajaan bagi Negeri.*

*(2) Yang di-Pertua Negeri, atas syor Majlis, selepas berunding dengan Mufti, boleh melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Timbalan Mufti Kerajaan bagi Negeri.*

*(3) Seseorang layak dilantik di bawah subseksyen (1) dan (2) jika dia -*

*(a) seorang warganegara;*

*(b) seorang yang arif tentang Hukum Syarak; dan*

*(c) seorang yang mempunyai pengetahuan tentang undang-undang Islam yang berkuat kuasa di Negeri.<sup>10</sup>*

Berdasarkan peruntukan di atas, dapat difahami bahawa negeri Sabah menyatakan tiga syarat asas yang perlu dipenuhi untuk dilantik sebagai mufti iaitu mestilah warganegara, arif tentang hukum Syarak, dan mempunyai

---

<sup>10</sup> Seksyen 4, Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti, Enakmen Fatwa Negeri Sabah (2004).

pengetahuan tentang undang-undang Islam yang berkuat kuasa di negeri tersebut. Hal ini sedikit berbeza dengan negeri lain yang tidak memperincikan pelantikan walaupun penilaian sama digunakan dalam pelantikan mufti (Wan Mohd Khairul, 2020: 65). Justeru, setiap individu yang akan dilantik sebagai mufti atau diiktiraf sebagai pakar semestinya telah memenuhi beberapa syarat yang standard dan telah ditetapkan oleh pihak yang berautoriti. Penulis turut mencadangkan agar semua mufti yang dilantik memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) serta mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kefatwaan. Selain itu, syarat kelayakan ini seharusnya dikemaskini seterusnya dibuat pindaan pada peruntukan undang-undang yang berkaitan bagi melantik jawatan mufti di setiap negeri.

### **Pendapat Mufti Atas Pendapat Pakar yang Lain**

Keanggotaan institusi fatwa adalah terdiri daripada mufti dan beberapa ahli jawatankuasa fatwa yang dilantik. Selain itu, terdapat juga beberapa kluster yang terdiri daripada “pakar-pakar” yang berada dalam industri dilantik sebagai pakar syariah, pakar muamalat, pakar akidah, pakar falak, pakar tasawuf dan lain-lain seperti pakar dalam bidang sains. Dari aspek pengemukaan keterangan pendapat pakar di mahkamah, seseorang mufti itu tidak menjadi kesalahan jika pendapat itu dikemukakan atas pendapat dan pandangannya secara peribadi, sama ada melalui ilmu pengetahuan atau pengalamannya sendiri. Namun, sekiranya pendapat mufti itu adalah hasil penelitian dari sesuatu pihak lain (seperti pendapat dari pakar-pakar yang dilantik oleh institusi fatwa), maka ia merupakan pendapat atas pendapat atau keterangan tidak secara langsung. Hal ini sepertimana yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang seperti berikut:

*(1) Dalam segala hal apa jua pun, keterangan lisan hendaklah diberikan secara langsung, iaitu:*

*(d) jika ia merujuk kepada pendapat atau alasan yang berasaskannya pendapat itu dipegang, maka ia mestilah keterangan orang yang berpegang pada pendapat itu atas alasan tersebut.<sup>11</sup>*

Oleh yang demikian, sekiranya mufti itu diiktiraf sebagai pakar dan diminta keterangan pendapatnya, maka pendapat itu mestilah hadir daripada mufti itu sendiri berdasarkan kepada ilmu dan pengalamannya. Dalam erti

---

<sup>11</sup> Seksyen 47, Keterangan Lisan Mestilah Secara Langsung, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negri Melaka) 2002.

kata lain, pendapat mufti tidaklah boleh termasuk pendapat atau pandangan yang dikemukakan hasil muzakarah dan keputusan yang dikemukakan oleh jawatankuasa fatwa secara kolektif. Sekiranya pendapat itu bersumberkan daripada orang perseorangan yang lain seperti ahli jawatankuasa fatwa, maka mahkamah berhak memanggil orang tersebut untuk mengemukakan pendapatnya secara langsung. Justeru itu, dicadangkan keterangan pendapat yang diminta oleh mahkamah kepada mufti mestilah yang melibatkan bidang kepakarannya sahaja terutama dalam perkara akidah dan hukum Syarak.

### **Halangan Mufti untuk Dipanggil ke Mahkamah**

Antara faktor utama yang menjadi cabaran kepada pengiktirafan mufti sebagai pakar adalah halangan daripada undang-undang untuk membenarkan mufti hadir ke mahkamah bagi memberikan pendapatnya secara lisan dan secara langsung. Berdasarkan kepada enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri, seseorang mufti tidak boleh disaman atau dipanggil untuk memberikan pendapatnya atau keterangannya berkaitan dengan hukum Syarak sama ada di Mahkamah Sivil atau di Mahkamah Syariah.

*“Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang Mufti tidaklah boleh dipanggil untuk memberikan pendapat atau keterangan berhubung dengan Hukum Syarak di mana-mana mahkamah sivil atau Mahkamah Syariah, tetapi jika dalam mana-mana mahkamah selain daripada Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum Syarak perlu diputuskan, mahkamah itu boleh meminta pendapat Mufti tentang persoalan itu, dan Mufti boleh memperakukan pendapatnya kepada mahkamah yang meminta itu.”*

Peruntukan di atas berdasarkan kepada Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan.<sup>12</sup> Peruntukan yang hampir sama (terdapat perbezaan kecil sahaja) juga turut dinyatakan di Negeri Sembilan,<sup>13</sup> Pahang,<sup>14</sup>

---

<sup>12</sup> Seksyen 38, Permintaan Pendapat Daripada Mufti, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

<sup>13</sup> Seksyen 53. Meminta Pendapat Daripada Jawatankuasa Fatwa, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

<sup>14</sup> Seksyen 40. Permintaan Untuk Pendapat Oleh Mana-Mana Mahkamah, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991.



Kedah,<sup>15</sup> Kelantan<sup>16</sup> dan Sabah.<sup>17</sup> Perkara ini dengan jelas menyatakan bahawa mufti tidak boleh dipanggil, disaman atau disepina untuk hadir secara langsung di mana-mana Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah untuk memberikan pendapatnya. Namun, berdasarkan kepada peruntukan di atas juga, masih terdapat ruang untuk pendapat mufti dikemukakan dengan syarat hanya pendapat mufti berkaitan dengan persoalan hukum Syarak, pendapat mufti hanya dikemukakan di Mahkamah Sivil (tidak boleh di Mahkamah Syariah), dan hanya dikemukakan secara affidavit bertulis sahaja (tidak boleh secara lisan dan secara langsung).

Selain itu, di negeri Selangor,<sup>18</sup> Melaka,<sup>19</sup> Pulau Pinang,<sup>20</sup> Perlis,<sup>21</sup> Johor,<sup>22</sup> Perak<sup>23</sup> dan Terengganu<sup>24</sup> mempunyai peruntukan yang sama dan seragam, seperti berikut:

*“Jika dalam mana-mana Mahkamah selain Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum Syarak perlu diputuskan, Mahkamah itu boleh meminta pendapat Jawatankuasa Fatwa tentang persoalan itu, dan Mufti boleh memperakukan pendapat Jawatankuasa Fatwa itu kepada Mahkamah yang membuat permintaan itu.”*

---

<sup>15</sup> Seksyen 25. Meminta Pendapat Daripada Jawatankuasa Fatwa, Enakmen Mufti Dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008.

<sup>16</sup> Seksyen 36. Fatwa, Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994.

<sup>17</sup> Seksyen 39. Permintaan Bagi Pendapat Daripada Mufti, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Sabah) 1992.

<sup>18</sup> Seksyen 53. Meminta Pendapat Daripada Jawatankuasa Fatwa, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

<sup>19</sup> Seksyen 41. Meminta Pendapat Daripada Jawatankuasa Fatwa, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

<sup>20</sup> Seksyen 53. Meminta Pendapat Daripada Jawatankuasa Fatwa, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

<sup>21</sup> Seksyen 53. Meminta Pendapat Daripada Jawatankuasa Fatwa, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006.

<sup>22</sup> Fasal 53. Meminta Pendapat Daripada Jawatan Kuasa Fatwa, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.

<sup>23</sup> Seksyen 42. Meminta Pendapat Daripada Jawatankuasa Fatwa, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

<sup>24</sup> Seksyen 53. Meminta Pendapat Daripada Jawatankuasa Fatwa, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001.

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, sesuatu pendapat hanya boleh diminta kepada Jawatankuasa Fatwa sahaja dan tidak kepada mufti secara peribadi. Mufti hanya bertindak untuk memperakukan pendapat yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Fatwa. Tambahan lagi, keterangan atau pendapat yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa hanya relevan kepada mahkamah sivil sahaja (selain Mahkamah Syariah). Peruntukan ini membezakan dengan beberapa negeri yang sebelum ini pada pendapat mufti itu secara peribadi dan pendapat yang hanya dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa secara kolektif. Perkara ini hampir sama dengan negeri Sarawak<sup>25</sup> yang mana sesuatu pendapat hanya boleh dikeluarkan oleh Lembaga Fatwa, dan bukannya oleh mufti secara peribadi. Namun, di Sarawak pendapat yang dikeluarkan ini relevan untuk mana-mana mahkamah;

*“Jika di dalam mana-mana mahkamah, termasuk Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan mengenai Undang-Undang Islam perlu diputuskan atau diperjelaskan, mahkamah itu boleh meminta pendapat Lembaga Fatwa mengenainya dan Lembaga Fatwa boleh, dengan persetujuan Majlis, mengemukakan pendapatnya kepada mahkamah yang memintanya dengan syarat bahawa pendapat yang dikeluarkan oleh Lembaga tidaklah boleh dianggap sebagai fatwa.”*

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, hanya negeri Sarawak sahaja yang membenarkan sesuatu pendapat dikemukakan di Mahkamah Syariah, namun ia tetap bukan pendapat secara langsung daripada seorang mufti. Kesimpulannya, terdapat halangan undang-undang bagi seseorang mufti dipanggil ke mahkamah untuk memberikan pendapatnya secara langsung.

### **Konflik Kepentingan antara Mufti dan Institusi Kehakiman**

Peranan mufti melalui institusi fatwa dan peranan hakim melalui institusi kehakiman mempunyai beberapa sudut persamaan dan perbezaan. Persamaan kedua-duanya adalah memberi perkhabaran tentang sesuatu hukum, iaitu mengeluarkan pandangan secara terperinci, memahami isu secara menyeluruh, membezakan sesuatu perkara yang wajar diberikan huraian dan akhirnya menentukan hukum syarak yang bertepatan dengan situasi atau kes berkaitan. Dari aspek perbezaan, keputusan yang dikeluarkan oleh hakim adalah mengikat pihak-pihak manakala keputusan yang dikeluarkan oleh mufti tidak mengikat pihak-pihak.

---

<sup>25</sup> Seksyen 38. Meminta Pendapat Daripada Lembaga Fatwa, Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001.

Oleh yang demikian, terdapat pandangan dan saranan yang menyatakan bahawa seseorang mufti tidak seharusnya dipanggil ke mahkamah untuk memberikan pendapatnya kerana untuk menjaga maruah dan kredibilitinya. Seseorang mufti sentiasa bersama dengan masyarakat untuk menjawab persoalan-persoalan hukum secara umum. Begitu juga tidak wajar dilantik mufti menganggotai panel Mahkamah Rayuan Syariah secara langsung demi untuk menjaga kehormatan dan terhindar daripada sebarang syubhah dan tohmahan. Seseorang hakim juga kurang wajar untuk dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Fatwa kerana ia boleh menjejaskan nama baik jawatan hakim kerana fatwa yang dikeluarkan itu akan mengikat dan mempengaruhi hakim semasa menjalankan perbicaraan dan menjatuhkan hukuman. Jika hukumannya bertentangan dengan fatwanya, maka pihak-pihak akan menyatakan bahawa hakim telah menyeleweng daripada pendapat dan pandangannya sendiri (Mahmud Saedon, 1988: 49). Justeru itu, mufti dan hakim mempunyai kedudukan dan peranannya yang tersendiri. Sekiranya mufti seringkali dipanggil ke mahkamah ataupun hakim dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Fatwa untuk mengemukakan pendapatnya, maka boleh timbul konflik kepentingan antara kedua-dua institusi Islam yang penting ini.

## **KESIMPULAN**

Secara intihanya, pendapat mufti diterima sebagai pendapat pakar khususnya di mahkamah sivil, namun penerimaannya di mahkamah syariah masih tidak jelas dan terdapat beberapa cabaran dari aspek perundangan. Tidak dapat dinafikan bahawa mufti merupakan individu yang sangat penting dalam sistem pentadbiran Islam di Malaysia. Justeru itu, peranan mufti perlulah saling membantu dan melengkapi antara satu sama lain iaitu antara institusi fatwa dan kehakiman. Oleh yang demikian, kedudukan keterangan pendapat mufti haruslah diiktiraf dan diterimapakai sebagai satu kaedah pembuktian di mahkamah. Bagi merealisasikan matlamat ini, dinyatakan beberapa saranan seperti berikut:

- a) Melaksanakan pindaan pada undang-undang keterangan dari aspek skop kategori pakar agar lebih meluas dan mencakupi semua pakar yang berada dalam industri termasuklah mufti. Rujukan boleh dilihat pada Akta Keterangan Singapura 2012.
- b) Melaksanakan pindaan pada undang-undang pentadbiran Islam agar membenarkan pendapat mufti dikemukakan di semua mahkamah secara langsung, namun perlu melalui Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) yang bersesuaian demi untuk menjaga kehormatan, maruah dan kredibiliti seorang mufti.

- c) Menggariskan syarat kelayakan mufti yang standard di setiap negeri, sama ada kelayakan dari aspek ilmu pengetahuan dan/atau pengalaman.
- d) Sekiranya masih terdapat halangan untuk mufti diiktiraf sebagai pakar, seharusnya pendapat yang dikemukakan oleh mufti sama ada secara lisan atau bertulis mestilah mempunyai pemberat keterangan yang tinggi sekali gus mampu mempengaruhi tahap pembuktian sesuatu kes.

## **RUJUKAN**

- ‘Abd al-Karim Zaydan. 1987M/1407H. *Usul al-Da’wah*, Ed. ke-2. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Aḥmad Fathī Bahansī (1962). *Nazariyyah al-Ithbāt*. Qāhirah: al-‘Arabiyyah li al-Ṭibā’ah.
- Ahmad Ibrahim (1995). “Perkembangan Terkini Undang-undang Islam di Malaysia”, dalam *Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*, Abdul Monir Yaacob (Ed.), Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Al-Mallah, Husayn Muhammad. (2006). *Al-Fatwa Nasy’atuha wa Tatawwuruha Usuluha wa Tatbiqatuha*. Beirut: Maktabah ‘Asriyyah.
- Al-Qasimi, Jamal al-Din. (1986). *Al-Fatawa fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmi.
- Al-Suyūṭī (1979). *Al-Asybah wa al-Nazā’ir*. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Musa. (1997). *Al-Muwafaqat fi Usul Al-Shari’ah*. Cairo: Dar Ibn Affan.
- Hamid Jusoh (2007). “Undang-undang Keterangan Islam dan Perkembangan Pelaksanaannya di Malaysia”, dalam *Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*, Jil. 13, Nasimah Hussin (Ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin. (2003). *Tashil Al-Fara’id wa Taqrib Al-Maqasid*. Beirut: Dar Ihya’ Al-Turath Al-‘Arabi.
- Ibn Hamdan, Muhammad ibn Hamdan. (1980). *Adab Al-Mufti wa Al-Mustafti*. Cairo: Dar Al-Fikr.
- Ibn Manzūr (2006). *Lisān al-‘Arab*. Riyāḍh: Dār al-Akhyar.
- Ibn Qayyīm al-Jauziyyāh, Muhammad ibn Abi Bakr. (1977). *Al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah*. Mesir: Maṭba’ah al-Madanī.
- Ibn Qayyīm al-Jauziyyāh, Muhammad ibn Abi Bakr. (1991). *I’lam Al-Muwaqqi’in ‘an Rabb Al-‘Alamin*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.

- Ibrāhīm Muṣṭafā (1990). *al-Mu'jam al-Wasīf*. Iṣṭānbūl: Dār al-Da'wah.
- Irwan Mohd Subri & Fakhрина Zulkiple (2016). “Analisis Fatwa Semasa di Malaysia: Pandangan Pakar Dalam Keputusan Hukum Pengharaman Vape” (Kertas kerja dibentangkan di Seminar Isu-isu Kefatwaan Kontemporari 2016: “Fiqh Kontemporari dalam Mendepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia” anjuran Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa (IAIS) Malaysia, pada 10 Mac 2016).
- Mahmud Saedon (1988), “Kearah Mempertingkatkan Mahkamah Syariah”, dalam *Ke Arah Islamisasi Undang-undang di Malaysia*, Ahmad Ibrahim (Ed.), Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Mahmud Saedon (1995). “Undang-undang Keterangan di Mahkamah Syariah”, dalam *Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*, Abdul Monir Yaacob (Ed.), Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor(2020). “Kategori Keterangan Pendapat Pakar di Mahkamah Syariah: Isu dan Cadangan Pelaksanaan Undang-undang,” *Journal of Shariah Law Research*, (2020) vol.5 (1) 35-54.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj Abdullah, Paizah Hj Ismail & Mohd Anuar Ramli. 2013. Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Jurnal Fiqh*, No. 10 (2013) 31-56.
- Noor Naemah Abd Rahman. (2001). Fatwa dan Realitinya Pada Zaman Rasulullah. *Jurnal Syariah*, 9(1) 13-32.
- Noresah Baharom et al. (2010). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rafiah Salim & Cheong May Fong (2013). *Evidence In Malaysia and Singapore: Cases, Materials and Commentary*, Ed. 3. Petaling Jaya: LexisNexis Malaysia Sdn Bhd.
- Ramalinggan Rajamanickam (2017). “Skop Seksyen 45 Akta Keterangan 1950: Keperluan Untuk Semakan Semula,” *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*, Isu Khas, 1-14.
- Ruzman Md. Noor (2010). “Pembuktian Dalam Kes Harta Sepencarian Di Mahkamah Syariah di Malaysia,” *Jurnal Hukum*, 31 (1), 1-17.
- Sudipto Sarkar & VR Manohar (1993). *Sarkar On Evidence*, ed. Ke-9. London: Butterworths.
- Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Kairuldin. 2020. *Pengurusan Fatwa di Malaysia*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Rujukan Statut**

Akta Keterangan 1950

Akta Keterangan India 1872

Akta Keterangan Singapura 2012 (pindaan)

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993

Enakmen Fatwa Negeri Sabah (2004)

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002

Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994

Enakmen Mufti Dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Sabah) 1992

Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001